

Headline **10 keluarga Cina terima sumbangan**
Date **08 Feb 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **22**
Article Size **240 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **5,160**
PRValue **15,481**



10 keluarga Cina terima sumbangan

KUALA LUMPUR: Sambutan Tahun Baru Cina kali ini pasti membawa makna berbeza buat 10 keluarga Cina miskin tegar apabila menerima sumbangan makanan kering dan angpau RM100 daripada Yayasan Salam Malaysia di Rumah Sinar Salam, di sini, semalam.

Sumbangan makanan itu bertujuan membantu mengurangkan beban yang ditanggung semua keluarga terbabit kerana kebanyakan mereka tidak mempunyai pekerjaan tetap dan berpendapatan juga daripada RM300 sebulan.

Eksekutif Kanan Bahagian Latihan Yayasan Salam, Nor Zakiah Senin, berkata sumbangan itu diperoleh dari projek 'My Ole-Ole' yang dibuat sebelum ini di beberapa pusat beli-belah di Kuala Lumpur dan Shah Alam serta bantuan daripada orang ramai.

"Objektif utama yayasannya adalah membantu keluarga yang bermasalah serta berpendapatan pula tidak sampai RM300 dan kita juga memberi bantuan ini sempena sambutan Tahun Baru Cina yang akan disambut pada minggu depan.

"Pada kali ini, fokus utama kita adalah untuk sambutan hari perayaan seperti hari raya puasa, Deepavali, Krismas serta Tahun Baru Cina dan terdapat beberapa organisasi juga terbabit dalam membantu orang atau keluarga yang memerlukan bantuan ini," katanya selepas menyampaikan bantuan, semalam.

Zakiah berkata, kumpulan komuniti yang menjadi perhatian yayasannya adalah golongan komuniti Orang Asli, keluarga penagih dadah serta penghidap HIV positif yang menerima ke-

san negatif.

"Mulai tahun depan kita akan meneruskan projek seperti ini mengikut zon

yang ada di negara ini selepas melihat kepada sambutan orang ramai yang memberikan derma di Sarawak, Selangor dan Kuala Lumpur," katanya.

Pengasas Rumah Sinar Salam, Arfidah Ab Latif, berkata rumah terbabit diwujudkan pada penghujung 2007 dan berada di bawah Yayasan Salam Malaysia.

"Saya berbangga dapat membantu golongan miskin ini tambahan pula ini adalah kali pertama Rumah Sinar Salam menghulurkan bantuan kepada orang bukan Melayu dan Islam sempena Tahun Baru Cina ini.

"Objektif penubuhan rumah ini adalah bertujuan untuk membantu golongan yang bermasalah seperti penagih dadah, pekerja seks dan se-

bagainya untuk mereka merubah gaya hidup golongan terbabit," katanya.

Penerima sumbangan, Ong Kam Poi, 84, berkata dia amat gembira kerana menjadi salah seorang penerima sumbangan Yayasan Salam kerana selama hidupnya, dia tidak pernah memperoleh bantuan daripada mana-mana pihak.



BANTU...Arfidah dan Sukarelawan Salam, Alisah Kassim (kanan) bersama penerima sumbangan makanan sempena Tahun Baru Cina.